



PEKELILING PESURUHJAYA TANAH, NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU
BILANGAN 9/1967

Tukaran penggunaan Di Atas Sebahagian Tanah Dan Luar Bandar-----
Seksyen 124 Kanun Tanah Negara

Satu kesulitan bagi menetapkan jenis penggunaan tanah mungkin berbangkit apabila sebahagian kecil daripada tanah desa yang berhadapan dengan jalanraya dikhendaki digunakan untuk bangunan dan bakinya yang di belakang ditinggalkan untuk pertanian. Luas tanah di bahagian depan yang hendak digunakan untuk bangunan itu adalah didapati kuarnag dari satu ekar.

2. Masalah ini boleh diatasi jika tuan tanah bercadang hendak menggunakan kesemua tanah itu untuk bangunan atau sekurang-kurangnya satu ekar tanah yang berhadapan dengan jalan raya itu untuk bangunan. Jenis penggunaan tanah yang berlainan boleh dikenakan di atas tanah itu apabila tanah itu dipecahkan. Tetapi pecahan sempadan tidak boleh dululuskan jika sekiranya sebahagian tanah yang hendak digunakan adalah kurang dari satu ekar mengikut kehendak seksyen 136(1)(f)(i) Kanun Tanah Negara.

3. Untuk mengatasi masalah ini sebagaimana yang telah dinasihatkan ole Peguam Negara, Malaysia, maka apa yang dikhendaki dibuat ialah bagi tuanpunya tanah menyerahkan kesemua tanahnya itu dan seterusnya memohon atas pengeluaran balaik tanah itu kepadanya; sebahagian yang berhadapan dengan jalan raya untuk bangunan dan sebahagian lagi yang di belakang untuk pertanian.

4. Pekeliling ini yang telah mendapat persetujuan semua Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah dan Galian adalah dikeluarkan bagi panduan semua Pemungut-pemungut.

HJ. ABDUL RAHMAN BIN MOHD. SALLEH
Pesuruh jaya Tanah, Negeri-negeri Tanah Melayu

P.T.TM 69/66(7)
Kuala Lumpur
12hb September, 1967